

10 SEP 1996

Mahathir-yakin

RAKYAT MALAYSIA PERLU TEROKAI BIDANG BARU, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Rakyat perlu mempunyai keyakinan untuk meneroka sesuatu yang baru dan tidak lemah semangat apabila mendengar sentimen tidak menggalakkan dari sesetengah pihak, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sentimen seumpama itu memang sudah lama wujud sejak kerajaan melaksanakan projek kereta nasional, membangunkan Langkawi sebagai pusat pelancongan dan membangunkan Labuan sebagai pusat kewangan pesisiran pantai.

"Kalau kita tekun dan rajin kita akan mencapai kejayaan besar. Yang penting kita kena cuba, tak cuba tak tahu. Macam kita ambil peperiksaan," katanya kepada pemberita selepas melakukan pecah tanah projek kompleks pentadbiran kerajaan Putrajaya dekat sini hari ini.

Bagaimanapun, katanya, sekarang sudah terbukti Malaysia menempah banyak kejayaan termasuk dalam kereta nasional dan membangunkan Langkawi serta Labuan.

Beliau berkata dari segi pelancongan Malaysia telah menarik tujuh juta pelancong berbanding dengan dua juta dahulu.

Dr Mahathir berkata beliau gembira tidak berlaku sebarang kelewatan melaksanakan projek Putrajaya yang dijangka siap menjelang tahun 2000.

"Anda lihat saya senyum, itu menandakan saya gembira. Mereka (pemaju) memberi jaminan mereka mampu menyiapkannya sebelum 2000 kerana segala-galanya terkawal," katanya.

Putrajaya adalah satu pusat bandar moden, kota bistari dalam taman yang merupakan pusat pentadbiran kerajaan persekutuan, dimajukan oleh Putrajaya Holdings dengan kerjasama tiga pihak manakala Kuala Lumpur City Centre (KLCC) sebagai pengurus projek.

Perdana Menteri berkata projek milik kerajaan itu diserahkan kepada pasukan Petronas yang akan mencari sumber kewangan bagi membangunkannya.

Semasa menjawab soalan sama ada beliau berpuas hati dengan kemajuan pembangunan yang dicapai setakat ini, Dr Mahathir berkata beliau bagaimanapun tidak menolak adanya sedikit halangan yang lebih merupakan masalah pentadbiran.

Dr Mahathir berkata beliau berpeluang meninjau perkembangan pembangunan Putrajaya terutama tapak bangunan-bangunan yang akan didirikan di situ termasuk bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan juga pejabat-pejabat lain yang ada kaitan.

Menurut pengerusi Putrajaya Holdings, Tan Sri Abdul Rashid Hussain, pejabat Perdana Menteri adalah antara bangunan yang pertama akan disiapkan dan Dr Mahathir dijangka memasuki pejabat barunya itu pada tahun 2000.

-- BERNAMA

ZAB JM AHH